

BH  
25/4/08

# Menyusuri Sungai Melaka semakin popular

**M**ELAKA: Sungai Melaka yang pada zaman kegemilangan menjadi sungai yang cukup penting dan digunakan untuk tujuan pengangkutan, kini sudah bertukar fungsi selaras kepesatan bandar bersejarah ini dan keadaan sungai berkenaan.

Ia kini berfungsi sebagai produk pelancongan bagi menarik kedatangan lebih ramai pelawat ke negeri ini dengan memperkenalkan kegiatan menyusuri sungai.

Tinjauan *Berita Harian* mendapati, dengan bayaran RM10 bagi dewasa dan RM5 bagi kanak-kanak, pelancong boleh menyusuri Sungai Melaka dengan menaiki bot, mengelilingi pusat bandar bagi menyaksikan pemandangan sekitarnya dari sudut berlainan iaitu di sebalik bahagian belakang bangunan lama.

Dua bot disediakan pengusaha aktiviti itu, Parameswara Tour yang boleh memuatkan 25 penumpang pada satu-satu masa bagi perjalanan yang mengambil masa kira-kira 45 minit.

Menyusuri Sungai Melaka memberikan pengalaman menarik kepada pelancong kerana ia seolah membawa mereka mengimbuai sejarah kegemilangan Melaka apabila melintasi beberapa bangunan dan kawasan bersejarah dan tumpuan pelancong seperti Kompleks Bangunan Stadhyus, Kampung Morten, Kampung Hulu dan

Kampung Jawa.

Pemandu pelancong Parameswara Tour, Bernard Kenneth, 48, berkata Melaka kaya dengan keunikan yang sukar diperoleh di mana-mana negeri lain di Malaysia.

"Dalam setiap perjalanan, saya akan menceritakan kepada pelancong mengenai sejarah Melaka dari segi pentadbiran, masyarakat majmuknya, budaya, agama, adat istiadat serta ciri-ciri menarik di bandar ini selaras nama Melaka Bandaraya Bersejarah.

Pelancong, Szymon, 29, dari Australia mencadangkan supaya kerajaan negeri membina tempat pembiakan atau taman khas bagi memastikan hidupan asal Sungai Melaka seperti ikan, biawak dan burung tidak pupus dan terus kekal menghuni sungai itu.

"Ini keunikan Sungai Melaka dan ini jugalah kelebihan Melaka... saya berbangga apabila kerajaan masih mengekalkan hidupan ini di sini walaupun sungai ini dibangunkan dengan kemodenan," katanya.

Pelancong, Shahanum Abdullah, 49, dari Perak mengakui tidak pernah menjunguri Melaka dan kedatangannya bersama keluarga kali ini adalah yang kelima.

"Saya mengetahui mengenai keunikan dan keindahan Sungai Melaka sebagai destinasi pelancongan melalui internet.

"Melaka berbeza dengan negeri lain kerana masih mengutamakan dan mengekalkan kesan tinggalan sejarahnya yang tidak tenggelam di sebalik pembangunan kemodenan," katanya.

**“ Apa yang penting ialah kita sebagai warga Malaysia patut menjaga kebersihan supaya imej negara yang menyaksikan kehidupan aman hari ini tidak tercemar ”**

**Bernard Kenneth**  
Pemandu pelancong Parameswara Tour

**FAKTA NOMBOR**

**25**  
Penumpang pada satu-satu masa perjalanan

---

**RM10**  
Bayaran bagi dewasa dan RM5 bagi kanak-kanak